



## Sub-budaya Mat Rempit dan perubahan sosiobudaya

Muhamad Fuad Abdul Karim<sup>1</sup>, Rokiah Ismail<sup>2</sup>, Mohamad Fauzi Sukimi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara, Melaka, <sup>2</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Muhamad Fuad Bin Abdul Karim (email: fuad645@melaka.uitm.edu.my)

### Abstrak

Secara umum aktiviti kumpulan Mat Rempit dalam kalangan sesetengah remaja dan belia di Malaysia boleh dikaitkan dengan kesan sosiobudaya proses perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Kertas ini membicarakan hasil kajian aktiviti kumpulan tersebut dalam satu setting sosial di Kuala Lumpur. Permasalahan kajian tertumpu kepada isu berkaitan dengan aktiviti Mat Rempit dan sub-budaya khusus mereka. Sub-budaya Mat Rempit diteliti dari segi bahasa dalam percakapan atau perbualan, norma dan nilai yang dipegang serta diamalkan dalam kalangan ahli kumpulan Mat Rempit. Kajian ini bertujuan memperihalkan aktiviti kumpulan dan mengenal pasti elemen-elemen khusus dalam sub-budaya kumpulan Mat Rempit. Responden terdiri daripada 45 orang Mat Rempit di Kuala Lumpur yang berusia antara 17 hingga 26 tahun. Dalam usaha menggumpul data primer, kajian yang bersifat kualitatif ini telah memanfaatkan metodtemubual secara mendalam dan juga pemerhatian. Hasil kajian mendapati bahawa aktiviti kumpulan Mat Rempit bukan sahaja tertumpu kepada lumba haram, tetapi beberapa aktiviti lain yang dianggap umum sebagai negatif. Sub-budaya Mat Rempit terbentuk dan dikekalkan melalui proses pembelajaran dalam kalangan ahli kumpulan. Aktiviti dan sub-budaya Mat Rempit yang bercirikan elemen-elemen *counter-culture* merupakan salah satu kesan sosiobudaya proses transformasi sosial yang dilalui sesetengah remaja dan belia di Malaysia. Kesimpulannya, pada sub-budaya Mat Rempit dapat dilihat ekspresi unsur-unsur seperti kebebasan, identiti, autonomi, keseronokan, keterampilan dan kreativiti.

**Katakunci:** kesan sosiobudaya, proses pembelajaran kelompok, proses transformasi social, remaja dan belia bandar, sub-budaya, unsur-unsur 'counter-culture'

## Malaysian sociocultural change and the *Mat Rempit* sub-culture

### Abstract

Illegal motorcycle racing is an informal sport of Malaysian urban youths which is increasingly perceived by the Malaysian society as a real social nuisance. The racers are nicknamed *Mat Rempit* in Malay. This paper takes the view that, in general, the *Mat Rempit* activities may be related to some sociocultural impacts of the contemporary social change process in the Malaysian society. It analyses findings of a study conducted in a Kuala Lumpur social setting, the focal points of which were the activities and the specifics of the *Mat Rempit* sub-culture. These included the *Mat Rempit* spoken and conversation language, and the norms and values to which members of the *Mat Rempit* subscribed. A total of 45 Kuala Lumpur's *Mat Rempit*, aged between 17 and 26, became the respondents of the study which employed in-depth interview and observation techniques. The study found that the *Mat Rempit* groups not only engaged in illegal racing but also other activities considered negative by the general public. The *Mat Rempit* sub-

culture evolved and perpetuated through group learning processes, and was characterised by counter-culture elements which were the sociocultural outcomes of the social transformation processes undergone by certain quarters of the Malaysian youth population. In conclusion, the *Mat Rempit* sub-culture finds expressions in values such as freedom, identity, autonomy, pleasure, appearance and creativity.

**Keywords:** counter-culture elements, group learning processes, social transformation processes, sociocultural impacts, sub-culture, urban youths

## Pengenalan

Negara Malaysia dan juga negara-negara lain di dunia umumnya cenderung berdepan dengan masalah yang melibatkan golongan muda melakukan jenayah dan delinkuensi. Sekiranya golongan muda di Malaysia yang merupakan bakal pewaris negara terlibat dengan jenayah dan delinkuensi, maka sudah semestinya perkara tersebut perlu diberikan perhatian yang serius oleh pelbagai pihak dalam masyarakat agar masalah tersebut dapat ditangani sebaik mungkin. Fenomena Mat Rempit merupakan antara contoh fenomena sosial yang melibatkan golongan muda di Malaysia. Fenomena tersebut kini boleh dilihat sebagai satu budaya baru dalam kalangan golongan muda. Ia menggambarkan kepada umum corak hidup mereka yang menginginkan suatu '*adventure*' atau cabaran dalam hidup.

Fenomena Mat Rempit di Malaysia sering kali dikaitkan dengan pelbagai istilah yang merujuk kepada individu yang terlibat dalam tingkah laku memandu motosikal secara laju dan membahayakan diri dan orang awam seperti 'Mat Motor', 'pelumba haram', 'budak *racing*', 'Mat Bodoh', dan lain-lain lagi. Malah perbincangan mengenai istilah baru untuk menggantikan istilah Mat Rempit turut mendapat tempat dalam membincangkan isu ini. Mat Rempit dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *hell rider* (Rozmi Ismail, 2004: 1), manakala di Indonesia ia dikenali sebagai 'Pembalap Haram'. Kumpulan Mat Rempit dilihat sebagai sebuah kumpulan yang dianggap agresif, ganas, liar, menakutkan, tidak berpendidikan tinggi dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah serta memiliki sub-budaya dan organisasi khusus. Kumpulan Mat Rempit sering mendapat reaksi negatif ramai anggota masyarakat di sekeliling mereka. Respon pelbagai pihak dalam masyarakat dan sub-budaya yang wujud secara tidak langsung 'mengiktiraf' kehadiran Mat Rempit di Kuala Lumpur dan ia membantu mengekalkan kewujudan mereka sebagai satu kumpulan dalam masyarakat. Sesetengah individu daripada kumpulan ini juga dikatakan terlibat dengan kes-kes jenayah dan delinkuensi. Kehadiran kumpulan Mat Rempit di Kuala Lumpur boleh dilihat dengan ketara di kawasan Dataran Merdeka sebagai lokasi utama dan kawasan-kawasan sekitarnya seperti di Jalan Raja Laut, Jalan Sultan Ismail, Jalan Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman, di kawasan-kawasan Bangsar, Ampang, Cheras, Sentul, Kepong, Damansara dan Brickfields.

## Isu Mat Rempit

Mat Rempit merupakan individu atau sekumpulan individu yang bermotosikal dan mereka terlibat dengan kegiatan lumba haram. Mat Rempit lebih banyak terdiri daripada golongan muda khususnya remaja lelaki yang berumur 15 hingga 28 tahun dan majoriti mereka adalah Melayu. Kegiatan lumba haram yang dilakukan oleh mereka dianggap amat membahayakan keselamatan mereka sendiri dan orang lain di sekeliling mereka. Mat Rempit bukan sahaja berlumba haram malah mereka berani melakukan aksi-aksi akrobatik dengan memaparkan aksiaksi yang berbahaya dan menggerunkan dengan motosikal yang telah diubahsuai secara haram. Mat Rempit yang terdapat di Kuala Lumpur datang dari berbagai-bagai lokasi dan kawasan di bandar, pinggir

bandar dan luar Kuala Lumpur. Mat Rempit mempunyai aktiviti mereka tersendiri termasuk satu sub-budaya yang membezakan diri mereka daripada anggota masyarakat yang lain. Mereka juga menganggotai kumpulan-kumpulan Mat Rempit tertentu yang ditubuhkan sendiri seperti kumpulan Apache, Bethoven, Pangkah, Night Frolics dan sebagainya. Aktiviti Mat Rempit merupakan perbuatan melanggar undang-undang di Malaysia yang termaktub di bawah Seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 (Akta 333) Pindaan 1999.

Permasalahan kajian tertumpu kepada aktiviti yang dilakukan oleh Mat Rempit bukan sahaja dalam hal lumba haram, tetapi juga aktiviti yang berkaitan dengan lumba haram yang umumnya juga dipersepsikan sebagai negatif. Dalam mengenalpasti sub-budaya khusus yang diperlihatkan oleh kumpulan ini pengkaji melihat aspek-aspek seperti bahasa yang digunakan, nilai-nilai dan norma-norma yang dipegang atau diamalkan oleh mereka. Penelitian terhadap sub-budaya Mat Rempit cuba dikaitkan dengan pembentukan identiti sosial yang dilakukan mereka. Suatu sub-budaya yang wujud secara tidak langsung 'mengiktiraf' kehadiran Mat Rempit di Kuala Lumpur dan ia membantu mengekalkan kewujudan mereka sebagai satu kumpulan dalam masyarakat. Aspek-aspek ini dianggap perlu diketahui secara lebih mendalam memandangkan fenomena Mat Rempit dianggap salah satu masalah sosial remaja dan banyak usaha kini sedang dipergiatkan untuk menangani masalah tersebut sebaik mungkin. Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk huraian atau *explanatory research*. Kajian ini bertujuan melihat aktiviti Mat Rempit dan sub-budaya yang wujud bagi kumpulan tersebut.

## Metodologi

Sampel kajian adalah individu yang terlibat dalam kumpulan lumba haram secara keseluruhannya sama ada sebagai pelumba haram, ahli kumpulan yang menonton lumba haram dan berkongsi aktiviti Mat Rempit, penganjur lumba haram dan sebagainya di sekitar Kuala Lumpur. Responden dipilih di lokasi kajian tanpa mengira tempat asal atau kediaman mereka sama ada di Kuala Lumpur atau di luar Kuala Lumpur. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan seramai empat puluh lima orang sampel yang dipilih secara bertujuan daripada kumpulan Mat Rempit di sekitar Kuala Lumpur. Sampel kajian terdiri daripada lelaki Melayu sahaja dalam lingkungan umur di antara 17 hingga 26 tahun. Pengkaji memilih tujuh orang responden daripada empat puluh lima orang responden bagi menjalankan temubual secara mendalam. Temubual mendalam bersama tujuh orang responden dilakukan secara berperingkat, iaitu peringkat pertama dan peringkat kedua. Pada peringkat pertama pengkaji menemubual responden semasa melakukan kerja lapangan di mana pengkaji mendekati dan mengenali responden di lokasi lumba haram. Pada peringkat kedua pula, pengkaji melakukan pertemuan dengan responden melalui temujanji bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan aktiviti mereka dan sub-budaya yang diamalkan.

Pengkaji memilih sampel bertujuan ini secara *judgemental* yang mana responden dipilih berdasarkan penampilan ciri-ciri Mat Rempit yang dipamerkan dari segi pakaian, pertuturan dan aktiviti khusus yang dilakukan seperti berlumba haram dan melepak bersama rakan-rakan sambil bercerita tentang motosikal, kehidupan mereka dan topik-topik umum yang menarik perhatian mereka seperti muzik, filem dan drama dan juga yang berkaitan dengan dadah. Pemilihan sampel yang dilakukan juga disahkan benar oleh rakan-rakan Mat Rempit dan orangramai yang berada di sekeliling mereka. Pensampelan menggunakan kaedah *snowball*.

## Hasil kajian

### *Latar belakang sosial Mat Rempit*

Seramai 45 Mat Rempit telah terlibat dalam kajian ini. Mereka mempunyai pelbagai latar belakang sosial seperti umur, tahap pendidikan, pekerjaan, tempat tinggal, bilangan adik beradik dan sebagainya. Kesemua Mat Rempit dalam kajian ini terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perlumbaan haram dan aktiviti menyimpang. Responden dalam kajian ini mendefinisikan Mat Rempit untuk orang yang aktif bergaul dengan kumpulan Mat Rempit misalnya yang berperanan dari sebagai 'cover line' sehingga kepada mereka yang terlibat sebagai penganjur lumba haram.

Seramai dua orang responden (4.44 peratus) berkelulusan universiti tempatan di mana salah seorang daripada mereka adalah graduan dalam bidang kejuruteraan, sementara seorang lagi sedang melanjutkan pelajaran peringkat ijazah sarjana dalam bidang sains sosial. Tiga orang responden (6.67 peratus) sedang melanjutkan pelajaran pada peringkat diploma di instituti pendidikan tinggi swasta di sekitar Kuala Lumpur dalam bidang seni reka dan perkomputeran. Terdapat dua orang responden (4.44 peratus) yang mempunyai kelayakan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), manakala seramai 25 orang responden (55.56 peratus) memiliki kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia. Seramai tiga orang responden (6.67 peratus) meninggalkan alam persekolahan semasa berada di tingkatan empat. Responden yang memiliki sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR) adalah seramai 7 orang responden, iaitu sebanyak 15.56 peratus. Kajian ini juga mendapati seramai tiga orang responden (6.67 peratus) memiliki sekadar kelayakan Ujian Penilaian Sekolah Menengah (UPSR) sahaja. Seramai 13 orang responden (28.89 peratus) pula tidak menamatkan sesi persekolahan sehingga ke tingkatan lima.

Temubual secara mendalam yang dilakukan ke atas dua daripada 13 orang responden mendapati bahawa kegagalan menamatkan persekolahan disebabkan tidak berminat untuk meneruskan pelajaran dan mereka berhadapan dengan masalah disiplin yang akhirnya mengakibatkan mereka dibuang sekolah.

Dari segi umur responden terdapat seramai tiga orang responden (6.67 peratus) bagi setiap peringkat umur 17, 18 dan 26 tahun. Seramai empat orang responden (8.89 peratus) berumur 19 tahun, manakala peringkat umur 20 dan 21 tahun masing-masing mempunyai seramai lapan orang responden (17.78 peratus). Kajian ini mendapati peringkat umur 22 dan 23 tahun masing-masing mempunyai seramai lima orang responden (11.11 peratus) dan peringkat umur 24 tahun seramai 4 orang responden (8.89 peratus). Seramai dua orang responden berumur dalam lingkungan 25 tahun, iaitu sebanyak 4.44 peratus.

Dari segi lokasi tempat tinggal seramai sembilan orang responden (20.00 peratus) berasal dari Cheras, sembilan orang (20.00 peratus) tinggal di Kampung Pandan, lapan orang (17.78 peratus) di Bandar Tun Razak, lima orang (11.11 peratus) di Keramat, tiga orang responden (6.67 peratus) di Sentul, tiga orang (6.67 peratus) di Pantai Dalam dan dua orang (4.44 peratus) di Kepong. Lokasi-lokasi tersebut terletak di sekitar Kuala Lumpur. Bagaimanapun kajian ini mendapati terdapat responden yang tinggal di luar kawasan Kuala Lumpur seperti di Selayang seramai dua orang responden (4.44 peratus), di Klang dua orang responden (4.44 peratus), di Bangi seorang responden (2.22 peratus) dan di Shah Alam seorang responden (2.22 peratus). Ini memberi gambaran bahawa isu Mat Rempit di Kuala Lumpur bukan sahaja melibatkan penduduk yang tinggal di Kuala Lumpur malah juga mereka yang tinggal di luar Kuala Lumpur khususnya dari negeri Selangor.

Kajian ini mendapati sejumlah besar responden bekerja sebagai *despatch boy* atau penghantar surat, iaitu seramai 13 orang (28.89 peratus). Seramai tujuh orang responden (15.56 peratus) bekerja di bengkel motosikal dan lima orang responden (11.11 peratus) bekerja di bengkel kereta. Responden yang bekerja sebagai jurujual sambilan adalah empat orang (8.89 peratus), sebagai

pekerja di pasaraya tiga orang (6.67 peratus), pekerja kilang tiga orang (6.67 peratus), pengawal keselamatan tiga orang (6.67 peratus) dan dua orang responden bekerja di pasar malam (4.4 peratus). Responden yang menganggur adalah seramai lima orang (11.11 peratus). Sebahagian besar responden mempunyai motosikal sendiri. Seramai 29 orang responden (64.44 peratus) memiliki motosikal yang telah diubahsuai manakala enam orang responden (13.33 peratus) memiliki motosikal yang mematuhi piawai yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Seramai dua orang responden (4.44 peratus) memiliki motosikal yang dicuri dan telah diubahsuai, tiga orang responden (6.67 peratus) hanya menunggang motosikal milik keluarga manakala 5 orang responden (11.11 peratus) memiliki motosikal secara berkongsi. Melalui temubual mendalam didapati sebab utama motosikal curi digunakan dalam lumba haram adalah sekiranya Mat Rempit ditangkap oleh pihak berkuasa semasa lumba haram, mereka boleh meninggalkan motosikal mereka begitu sahaja tanpa perlu risau akan dijejaki pihak berkuasa melalui maklumat pemilik motosikal yang digunakan. Bagi pemilikan motosikal secara berkongsi responden menyatakan bahawa sesebuah motosikal dipunyai oleh dua orang atau lebih individu yang mempunyai 'saham' seperti berkongsi membeli motosikal atau berkongsi tentang urusan penyelenggaraan motosikal tersebut.

#### *Penglibatan dalam aktiviti Mat Rempit*

Melalui kajian ini pengkaji cuba mendapatkan maklumat tentang sebab atau faktor yang mendorong para responden terlibat dalam kumpulan Mat Rempit. Pengkaji mendapati seramai 11 orang responden (24.44 peratus) terlibat dengan fenomena Mat Rempit disebabkan pengaruh rakan sebaya, manakala sepuluh orang responden (22.22 peratus) terlibat atas dasar 'suka-suka'. Terdapat juga responden, iaitu seramai tujuh orang (15.56 peratus) yang sekadar mengisi masa lapang melalui aktiviti Mat Rempit seperti bersiar-siar secara berkumpulan misalnya ke Taman Tasik Titiwangsa atau Taman Tasik Perdana. Seramai enam orang responden (13.33 peratus) terlibat dengan fenomena ini disebabkan tekanan dalam menjalani kehidupan dan tiga orang responden (6.67 peratus) lagi menjadikan diri mereka sebagai Mat Rempit sebagai hobi. Seramai lima orang responden (11.11 peratus) terlibat secara aktif (sering terlibat dalam lumba haram) dalam aktiviti Mat Rempit di mana mereka menjadikan lumba haram sebagai kerjaya, manakala tiga orang responden (6.67 peratus) menyertai kumpulan Mat Rempit atas sebab-sebab lain tetapi tidak dinyatakan.

Terdapat di antara responden yang menganggotai kumpulan atau geng Mat Rempit, iaitu seramai 25 orang responden (55.56 peratus) terlibat menganggotai satu hingga dua buah kumpulan pada satu masa, manakala tujuh orang responden (15.56 peratus) menganggotai tiga hingga lima buah kumpulan. Seramai 13 orang responden (28.86 peratus) tidak menganggotai mana-mana kumpulan Mat Rempit atau tidak pasti sama ada mereka mempunyai kumpulan atau tidak. Penjelasan secara mendalam berkenaan keanggotaan dalam kumpulan Mat Rempit diperolehi melalui temubual mendalam bersama lima orang responden. Hasil temubual mendapati perkara utama ramai Mat Rempit menyertai kumpulan Mat Rempit adalah disebabkan faktor-faktor keselamatan diri dan kepuasan untuk melakukan sebarang aktiviti bersama.

Semasa aktiviti lumba haram, para responden masing-masing mempunyai peranan atau fungsi mereka yang tersendiri dalam menjayakan sesuatu perlumbaan. Seringkali peranan atau fungsi mereka boleh berubah dari semasa ke semasa bergantung pada keadaan. Seramai sembilan orang responden (20.00 peratus) berperanan sebagai *cover line* atau bertindak sebagai pemerhati yang menjaga keselamatan kumpulan Mat Rempit daripada tindakan pihak berkuasa seperti Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Seramai enam orang responden (13.33 peratus) sekadar menjadi penonton lumba haram yang mana mereka berperanan dalam memeriahkan suasana semasa sesuatu lumba haram berlangsung. Tiga orang responden (6.67 peratus) didapati pernah menjadi penganjur lumba haram dan seramai lapan orang responden

(17.78 peratus) pernah menyertai pertaruhan berbentuk wang tunai. Peranan utama aktiviti lumba haram dimainkan sembilan orang responden sebagai pelumba haram (20.00 peratus). Kesemua pelumba haram pernah mendapat dan merasai hadiah berbentuk seks yang diberikan seperti 'Minah Rempit', 'Cikaro' atau 'Bohsia' sewaktu memenangi sesuatu aktiviti lumba haram. Seramai tujuh orang responden pernah menjadi 'pomen' bertugas sebagai individu yang akan memeriksa dan membaiki motosikal sekiranya berlaku kerosakan, manakala seramai tiga orang responden (6.67 peratus) bertindak sebagai 'supplier', 'token' atau pembekal. 'Supplier', 'token' atau pembekal biasanya akan menyediakan bekalan seperti rokok, dadah, kondom, perempuan dan sebagainya.

Hasil kajian juga mendapati sebahagian besar responden pernah terlibat dalam tingkah laku menyimpang. Seramai 12 orang responden (26.67 peratus) terlibat dalam penagihan dadah, sembilan orang (20.00 peratus) pernah melakukan aktiviti seks bebas, enam orang (13.33 peratus) terlibat dalam pergaduhan yang menggunakan senjata seperti kayu, pisau, besi dan lain-lain senjata tajam, empat orang (8.89 peratus) terlibat dalam aktiviti mencuri, tiga orang (6.67 peratus) melakukan jenayah ragut, tiga orang (6.67 peratus) melakukan jenayah curi motosikal, tiga orang responden (6.67 peratus) terlibat dalam perjudian selain daripada pertaruhan lumba haram dan dua orang responden (4.44 peratus) terlibat dalam jenayah pecah rumah. Terdapat juga responden yang mengaku tidak pernah terlibat dalam tingkah laku devian dan jenayah, iaitu seramai tiga orang responden (6.67 peratus). Penjelasan secara mendalam berkenaan peranan yang dimainkan oleh responden dalam aktiviti lumba haram mendapati peranan mereka sering berubah-ubah mengikut keadaan.

#### *Aktiviti Mat Rempit dan lumba haram*

Kumpulan Mat Rempit sering menjalankan aktiviti mereka pada waktu malam sekitar jam 12.00 tengah malam sehingga 5.00 pagi khususnya pada hujung minggu dan cuti umum. Kumpulan ini boleh ditemui di lebuhraya seperti Lebuhraya Persekutuan, serta jalan raya yang lurus dan mempunyai selekoh yang tajam seperti Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Chow Kit, Jalan Raja Laut, Dataran Merdeka dan di kawasan sekitar Kuala Lumpur.

Kumpulan Mat Rempit biasanya dianggotai seramai dua hingga 30 orang ahli, tetapi keakraban sebenar hanya wujud di kalangan dua hingga sepuluh orang sahaja manakala ahli-ahli yang lain mungkin terlibat secara *on and off*, iaitu sekadar mengisi masa lapang mereka. Terdapat juga mereka yang menganggotai kumpulan Mat Rempit lain sehingga terpaksa membahagikan masa dengan baik di antara kumpulan-kumpulan tersebut supaya tidak dipinggirkan oleh kumpulan yang dianggotai mereka. Keanggotaan seseorang Mat Rempit kadang-kala tidak tertumpu kepada satu kumpulan sahaja disebabkan faktor-faktor seperti pekerjaan, tempat tinggal dan rakan sebaya kerana dengan menganggotai beberapa buah kumpulan Mat Rempit mereka dapat membesarkan jaringan atau menambahkan 'kaum' atau kawan. Kumpulan Mat Rempit sering melakukan aktiviti mereka pada hujung minggu, iaitu pada Sabtu malam, Ahad malam dan juga cuti umum yang lain seperti cuti Tahun Baru Cina, ulang tahun sambutan Hari Kemerdekaan, sambutan Maulidur Rasul dan lain-lain hari cuti awam.

Mat Rempit akan bergerak secara berkumpulan dan sebelum memulakan sesuatu perjalanan atau konvoi, mereka akan bertemu di sesuatu lokasi yang dijanjikan. Kadang-kala lokasi pertemuan boleh berubah-ubah bergantung pada masa, tempat yang dituju dan lokasi yang majoriti Mat Rempit mudah sampai bersama. Perjalanan atau konvoi akan bermula sekiranya mereka pasti 'korum penuh' atau jumlah ahli kumpulan sudah mencukupi. Bagi ahli yang ketinggalan atau terlewat, mereka akan terus ke lokasi utama yang dipilih.

Kumpulan-kumpulan Mat Rempit akan berkumpul di Dataran Merdeka dan jumlah mereka amat ramai sehingga dianggarkan mencecah ratusan orang pada satu masa. Jenis-jenis kumpulan Mat Rempit pada ketika itu sememangnya tidak dapat dibezakan di antara satu sama lain kerana

cara berpakaian dan tingkah laku mereka mempunyai banyak persamaan. Mereka gemar memakai t-shirt dan berseluar jeans dan segelintir daripada mereka menggunakan jeans yang dikoyakkan di bahagian lutut dan peha. Namun begitu sesuatu kumpulan tertentu dapat dikenalpasti secara rambang melalui tempat-tempat mereka berkumpul di sekitar Dataran Merdeka. Mereka akan meletakkan motosikal di bahu jalan atau di sebahagian jalan raya. Akibat jumlah mereka yang ramai dan cara mereka meletakkan motosikal, keadaan menjadi gamat dan riuh rendah dengan bunyi deruman ekzos motosikal yang telah diubahsuai seperti bunyi ekzos kereta lumba, bunyi hon motosikal yang pelbagai seperti bunyi siren kereta peronda polis dan bunyi yang sama dengan hon kereta. Kesesakan Lalulintas juga berlaku seperti semasa warga kota pergi atau pulang dari tempat kerja. Mereka akan berkumpul di Dataran Merdeka dalam suatu jangka masa yang agak lama. Pertemuan tersebut seperti merayakan atau menghadiri sebuah pesta. Keadaan tersebut menjadikan mereka lebih bersemangat dan bangga sebagai seorang Mat Rempit.

Di sekitar Dataran Merdeka terdapat kedai-kedai atau gerai-gerai makan yang dibina oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan terdapat juga gerai-gerai bergerak menggunakan kenderaan bermotor seperti kereta, van dan lori kecil. Kedai-kedai atau gerai-gerai makan yang dibina oleh DBKL terletak berhampiran bangunan DBKL, Bank Rakyat dan Bank Negara. Ini menggalakkan kumpulan-kumpulan Mat Rempit berpelesenan atau melepak di sana. Kemudian kumpulan-kumpulan Mat Rempit akan bergerak meninggalkan Dataran Merdeka secara beransur-ansur menggunakan Jalan Raja Laut. Pada ketika ini, keseluruhan jalan tersebut dipenuhi dengan motosikal pelbagai jenis. Semasa Mat Rempit menunggang meninggalkan Dataran Merdeka terdapat dalam kalangan mereka yang akan menggayakan aksi-aksi pemanduan secara merbahaya dan terdapat juga sebilangan mereka yang akan berlumba. Pada waktu itu, Mat Rempit lebih gemar mempamerkan aksi-aksi merbahaya seperti 'wheelie', 'wikang', aksi 'superman', 'skating', 'cilok', aksi 'corner' dan sebagainya berbanding semasa mereka berlumba.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh pengkaji, litar Jalan Raja Laut merupakan litar 'berani maut' atau mereka yang 'berhati kering' untuk berlumba atau melakukan aksi-aksi ala akrobatik yang merbahaya kerana pihak berkuasa seperti polis dan pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan akan hanya memerhatikan mereka dan cuba melakukan tangkapan. Tambahan pula, Jalan Raja Laut tidak mempunyai jalan pintas atau jalan untuk Mat Rempit melarikan diri sekiranya mereka diserbu. Lokasi Dataran Merdeka dan Jalan Raja Laut amat berhampiran dengan Ibu pejabat Polis Bukit Aman dan Balai Polis Jalan Dang Wangi serta Ibu Pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Perlumbaan motosikal haram juga dijalankan di lokasi lain seperti di jalan-jalan berhampiran tempat kediaman atau di lokasi lain yang sememangnya terkenal dengan lumba haram seperti Lebuhraya North Klang Valley Expressway (NKVE), Lebuhraya Persekutuan dan Jalan Batu 3. Sekiranya tiada perlumbaan dijalankan, kumpulan Mat Rempit akan pergi 'mengetah' atau 'duduk minum-minum' di kedai-kedai atau gerai-gerai makan yang menjadi *port* atau lokasi mereka seperti di Bangsar, Keramat, Cheras, Up-Town, Damansara dan lain-lain lagi. Sekiranya ada perlumbaan motosikal haram, aktiviti di kedai-kedai atau gerai-gerai makan dilakukan selepas perlumbaan haram tersebut. Selepas aktiviti di kedai-kedai atau gerai-gerai makan, ahli-ahli kumpulan Mat Rempit akan beredar dan berpecah kepada kumpulan yang lebih kecil. Pergerakan Mat Rempit dalam kumpulan yang kecil ini akan menggalakkan atau membolehkan mereka melakukan kegiatan devian atau jenayah. Didapati ada di kalangan Mat Rempit yang tinggal serumah dengan kekasih atau 'awek' mereka.

Perlumbaan haram kadang-kala memang dirancang atau dilakukan sekadar untuk suka-suka atau 'test power'. Perlumbaan biasanya berlangsung sekitar jam 1.00 hingga 5.00 pagi bergantung pada kesesuaian masa dan tempat berlumba. Mereka biasanya akan memilih lokasi perlumbaan mengikut pilihan jalan-jalan raya yang dipersetujui serta selamat daripada 'bond' atau 'otek'. Keadaan 'line panas' membawa maksud tidak selamat untuk berlumba secara haram, manakala

keadaan *'line clear'* adalah sebaliknya. Bagi Mat Rempit yang tinggal atau melepak di sekitar Ampang seperti Kampung Pandan, Pandan Jaya, Pandan Indah dan lain-lain lagi, Lebuhraya Lingkar Tengah Dua (MRR2) berhampiran TESCO dipilih. Bagi mereka yang tinggal sekitar Serdang dan Balakong mereka perlu menggunakan MRR2 berhampiran Desa Serdang dan Universiti Putra Malaysia, sementara Mat Rempit di sekitar Cheras dan Bandar Tun Razak menggunakan Jalan Cheras di antara Balai Bomba Taman Midah, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Tasik Permaisuri dan Maktab Perguruan Ilmu Khas. Mat Rempit di sekitar Kajang pula menggunakan Lebuhraya Cheras-Kajang dan Lebuhraya SILK dan Mat Rempit di sekitar Kepong dan Gombak menggunakan Jalan Ipoh dan Lebuhraya Karak. Semasa perlumbaan haram berlangsung, kelajuan setiap motosikal kepunyaan Mat Rempit dipandu melebihi had laju kebangsaan 110 km/j sehingga mencecah 170 km/j. Motosikal yang ditunggang oleh Mat Rempit menggunakan lampu belakang yang sengaja dibiarkan tidak berfungsi manakala nombor pendaftaran kenderaan disapukan dengan karbon ekzos atau kotoran hitam daripada ekzos bagi menghalang nombor pendaftaran dilihat dengan jelas oleh pihak berkuasa.

Berdasarkan pengamatan pengkaji Mat Rempit sering menggunakan motosikal yang berkuasa sederhana di antara 100 hingga 150cc seperti motosikal Honda EX5, Kriss, Suzuki RGV, Suzuki RG Sport, Yamaha 125Z, Yamaha RXZ dan Yamaha TZM. Motosikal yang berkuasa bawah daripada 135cc digelar sebagai motor kapcai. Mat Rempit seringkali membuat beberapa ubahsuaian motosikal milik mereka untuk aktiviti berlumba haram dan melakukan aksi-aksi ala akrobatik seperti *'corner lap'*, *'wheelie'*, *'wikang'* dan *'superman'*. Ubahsuaian tersebut bertujuan meningkatkan kemampuan dan prestasi motosikal milik mereka. Ubahsuaian yang sering dilakukan adalah seperti ubahsuaian kaburator, ekzos seperti membuang bahan yang digelar sarang atau belah ekzos, menggunakan brek cakera bagi meningkatkan cengkaman ketika membrek, menggunakan tayar yang bersaiz kecil yang dipanggil 'tayar sotong', tidak menggunakan cermin sisi, menggunakan *sprocket* bersaiz kecil, potong *'block'* dan sebagainya. Kegiatan atau tindakan pengubahsuaian motosikal yang dilakukan oleh kumpulan Mat Rempit ini menyalahi standard yang dibenarkan dan melanggar undang-undang Jabatan Pengangkutan Jalan. Mat Rempit melakukan pemeriksaan terhadap motosikal mereka seberapa kerap yang mungkin dan mereka juga gemar membasuh dan menggilap motosikal mereka yang dianggap sebagai 'bini nombor satu'. Terdapat juga dalam kalangan Mat Rempit yang kurang gemar berlumba tetapi lebih berminat sekadar menjadi penonton lumba haram.

Perlumbaan haram yang dijalankan secara suka-suka sekadar menuntut ganjaran yang minima seperti belanja makan dan sekotak rokok. Bagi perlumbaan haram yang dijalankan secara serius dan dirancang, ganjaran atau hadiah yang ditawarkan adalah lebih tinggi seperti wang ringgit, motosikal, wanita dan sesiapa yang kalah dalam perlumbaan haram akan dijadikan *'kadam'* atau orang suruhan untuk satu jangka masa yang ditetapkan. Wanita yang menjadi habuan atau hadiah perlumbaan dikenali sebagai 'Minah Rempit'. Individu-individu yang digelar 'Minah Rempit' ini berperanan sama ada sebagai pelumba haram atau sebagai pengikut kepada Mat Rempit, iaitu pembonceng atau digunakan sebagai hadiah bagi pemenang lumba haram selain daripada mendapatkan hadiah wang. 'Minah Rempit' bukan milik kekal seseorang individu untuk satu masa dalam sesebuah kumpulan Mat Rempit, tetapi boleh 'mengalami kitaran' dari seorang ahli kepada seorang ahli Mat Rempit yang lain. Bukan itu sahaja, 'Minah Rempit' boleh bergerak atau 'mengalami kitaran' dari satu kumpulan kepada satu kumpulan Mat Rempit yang lain. Aksi Mat Rempit juga tidak terbatas kepada individu bujang, malah ia juga melibatkan individu yang telah berkahwin dan beranak-pinak tetapi jumlah mereka ini sedikit berbanding Mat Rempit berstatus bujang. Tinjauan umum menunjukkan bahawa kumpulan Mat Rempit hanya melibatkan kaum terbesar di Malaysia, iaitu kaum Melayu berbanding kaum India dan Cina.



Selain lumba haram, Mat Rempit gemar bermain alat muzik dan mendengar muzik. Mereka sering menggunakan gitar untuk berhibur dan gemar *jammings* di studio yang menawarkan sewa di antara RM15 hingga RM40 sejam. Mereka gemar lagu-lagu berentak rock, balada, alternatif, *heavy metal*, *underground* dan lain-lain jenis muzik yang berentak keras atau sederhana keras. Kumpulan-kumpulan muzik yang diminati mereka adalah seperti Wings, Search, Jin Bara, Metalasia, Exist dan Pretty Ugly bagi kumpulan muzik tempatan. Sementara bagi kumpulan muzik antarabangsa pula mereka meminati Metallica, Offspring, Red Hot Chili Peppers, Green Day dan Limp Bizkit. Mereka juga gemar muzik berentak 60-an dan 70-an seperti yang dinyanyikan oleh Jefrydin, S. Jibeng dan M. Osman. Kadang-kala mereka juga menonton konsert besar dan kecil atau *gig* dan *band*.

Mat Rempit juga melakukan aktiviti lepak atau menebeng seperti di Kompleks Pertama, Pasaraya Sogo, Kompleks Campbell, Mid Valley Megamall, The Mall, KLCC dan kompleks membeli-belah di sekitar Sungei Wang dan Bukit Bintang. Selain melakukan aktiviti *windowshopping*, mereka juga gemar bermain *video games* dan bermain boling. Mereka juga berkaraoke bermodalkan RM1 bagi setiap lagu di kompleks-kompleks atau pusat-pusat hiburan yang menyediakan *karaoke box* atau *music box*. Permainan snuker juga menjadi kegemaran Mat Rempit dan kadang-kala mereka menyelitkan unsur-unsur perjudian seperti pertarungan wang ringgit atau wanita.

Mat Rempit juga tidak ketinggalan dalam menggunakan teknologi komunikasi yang semakin berkembang. Di kalangan Mat Rempit sendiri ada yang suka melayari internet seperti melakukan *chatting*, mempunyai laman web sendiri atau menggunakan laman web yang menawarkan perkhidmatan membina laman web sendiri secara mudah dan percuma seperti '*Friendster.com*', '*Myspace.com*' dan *blog*. Mat Rempit turut mempunyai laman web yang membela dan memperjuangkan aktiviti dan kegiatan mereka seperti Komuniti Rempit Malaysia melalui alamat <http://rempit.myinfo.ws/v1/.htm> yang dipaparkan di internet sejak tahun 2006. Kebanyakan responden gemar menggunakan internet dan mereka mahir untuk '*berchatting*' khususnya dengan perempuan yang dikenali dan bakal dikenali semasa aktiviti tersebut. Sesetengah Mat Rempit turut terlibat melakukan aktiviti jenayah seperti mencuri motosikal dan ragut. Kegiatan jenayah tersebut dilakukan di sekitar Kuala Lumpur dan kadang-kala melibatkan kawasan di luar Kuala Lumpur seperti Nilai, Seremban, Klang, Shah Alam, Bangi dan Kajang. Aktiviti mencuri motosikal dilakukan bagi mendapatkan *spare parts* atau 'barang panas' untuk dijual atau digunakan sendiri. Biasanya motosikal curi dan bahagian-bahagiannya dijual di pasaran gelap dengan harga yang amat murah seperti motosikal RXZ yang harga sebenarnya adalah sekitar RM6000 hingga RM8000 dijual dengan harga sekitar RM500 hingga RM2000 sebuah. Hasil aktiviti penjualan motosikal curi dan ragut digunakan sebagai sumber pendapatan sampingan selain mereka menjual dadah, 'melacurkan' teman wanita sendiri dan sebagainya.

Terdapat juga sebilangan Mat Rempit yang mahir tentang motosikal menjadi 'pomen' atau 'tukang *repair*' motosikal secara sepenuh masa atau sambil sama ada di bengkel membaiki motosikal atau membina bengkel sendiri di kawasan kediaman. Mereka juga menjadi tempat rujukan untuk membeli motosikal terpakai atau *second hand* daripada kedai menjual motosikal. Mat Rempit turut terlibat dalam penyalahgunaan dadah sama ada sebagai penagih atau agen pengedar dadah. Peratusan Mat Rempit yang terlibat sebagai penagih dan agen pengedar dadah tidak dapat dipastikan oleh pengkaji. Sumber dadah boleh didapati dengan mudah dan mereka mempunyai rangkaian jualan atau stok melepasi kawasan Kuala Lumpur. Dadah dijual dengan harga yang agak mahal seperti ganja yang harga 'sepuluh sen' yang membawa erti RM10 sepaket atau Eramin 5 dengan harga RM10 sebiji.

Dalam kalangan Mat Rempit wujud suatu ikatan atau perhubungan yang rapat lebih-lebih lagi apabila mereka berada dalam kumpulan kecil. Mereka saling mengenali di antara satu sama lain terutama dalam kumpulan kecil. Mereka kerap bertemu khususnya pada hujung minggu. Pada

hari-hari biasa, mereka sering bertemu sekadar untuk 'mengetah' atau duduk minum-minum setelah penat bekerja di siang hari. Apabila bertemu mereka sering bersembangInternational sembang atau berbual-bual berkenaan topik yang pelbagai seperti dunia hiburan, isu politik, hal peribadi, hobi mereka seperti memancing dan *jamming*, berita sukan dan tidak ketinggalan informasi berkaitan motosikal dan lumba haram. Semasa bertemu, pada kebiasaannya siapa yang mengajak atau mencadangkan aktiviti 'mengetah' atau duduk-duduk minum diminta *open table* atau belanja. Mereka melakukan segala aktiviti bersama untuk menenangkan fikiran, mendapat informasi atau *gossip* berkenaan perihal kumpulan mereka. Pada ketika ini juga, perbualan berkenaan lumba haram seperti mengatur atau merancang perlumbaan haram, pertaruhan, strategi dan petua berlumba, litar atau trek yang mencabar dan cabaran untuk bertanding lumba motosikal haram dibincangkan. Mat Rempit terlibat dalam perlumbaan haram untuk mendapatkan kepuasan dan keseronokan, melepaskan tekanan atau kemarahan, mendapatkan status sebagai seorang pelumba *power*, menunjukkan kejantanan atau sifat kelelakian sebenar dan menunjukkan kepada rakan-rakan mereka dan masyarakat umum bahawa mereka telah menjadi seorang yang lebih dewasa.

#### *Penggunaan bahasa rutin kumpulan Mat Rempit*

Mat Rempit mempunyai istilah atau bahasa khusus yang digunakan ketika berkomunikasi di kalangan mereka. Istilah atau bahasa yang digunakan mempunyai persamaan dari segi maksud dengan bahasa utama yang digunakan dalam masyarakat di Malaysia, iaitu Bahasa Melayu tetapi diwujudkan bagi menghasilkan suatu sub-budaya supaya ia dapat membentuk identiti dan membezakan mereka dalam masyarakat. Contohnya, istilah 'awek' bermaksud teman wanita atau kekasih. Terdapat juga istilah yang membawa maksud yang berlainan daripada maksud sebenar yang difahami dalam masyarakat contohnya 'barang panas'. 'Barang panas' dalam masyarakat di fahami sebagai barang yang dirasakan panas kerana mengandungi haba panas. Tetapi bagi Mat Rempit 'barang panas' bermaksud barang yang dicuri atau barang yang mendapat permintaan yang tinggi untuk dimiliki. Istilah dan bahasa yang digunakan Mat Rempit juga mempunyai maksud yang pelbagai bergantung kepada keadaan atau situasi sesuatu istilah itu digunakan. Sebagai contoh, istilah 'barang' membawa maksud dadah sekiranya topik perbualan adalah berkaitan dadah, namun 'barang' adalah alat ganti motor sekiranya Mat Rempit berbincang mengenai motosikal dan sebagainya. Istilah 'barang' yang digunakan dalam masyarakat membawa maksud benda.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati tidak semua istilah dan bahasa yang digunakan oleh Mat Rempit digunakan dan difahami oleh Mat Rempit yang lain misalnya 'arbok' yang bermaksud pondan. Istilah lain bagi 'arbok' adalah 'mak nyah', 'si lembik' dan 'lelembut'. Perbezaan istilah ini berlaku disebabkan lokasi tempat tinggal, jenis kumpulan Mat Rempit yang dianggotai, pekerjaan dan tahap keaktifan seseorang Mat Rempit di dalam fenomena Mat Rempit. Sekiranya seseorang Mat Rempit itu aktif dalam aktiviti lumba haram dan bekerja sebagai *despatch boy* misalnya, individu tersebut berkemungkinan besar mampu mendapatkan istilah baru.

Istilah atau bahasa yang diguna pakai kumpulan Mat Rempit mempunyai pelbagai kaedah atau gaya penciptaan sesuatu perkataan. Terdapat perkataan yang menggunakan perkataan asal dalam Bahasa Melayu seperti 'barang', 'lauk', dan 'kuda putih'; perkataan asal dalam Bahasa Inggeris pula seperti *test power*, *hot* dan *temper*; perkataan gabungan di antara Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah seperti 'line panas', 'ronda town' dan 'cuba test tengok'; dan terdapat pula bahasa selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris seperti 'otai', 'macha' dan 'wusha'. Istilah dan bahasa yang dicampuraduk dengan pelbagai bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa India berstatus sebagai bahasa jalanan (Rokiah Ismail, 2004: 75). Secara tidak langsung, seseorang Mat Rempit perlu dari semasa ke semasa memperbaharui

dan mengemaskini 'perbendaharaan kata' atau istilah yang digunakan dalam kelompok mereka. Selain menggunakan bahasa lisan sebagai alat komunikasi dalam kumpulan Mat Rempit, bahasa badan juga digunakan bagi menyampaikan sesuatu maksud atau mesej. Bahasa badan banyak terhasil dan digunakan mengikut kesesuaian keadaan. Sebagai contoh, bahasa badan seperti tenungan mata yang tajam memberikan arahan kepada seseorang untuk beredar atau menjauhi sesuatu tempat atau kawasan. Aksi seolah-olah mengkelar leher sendiri menggunakan jari membawa maksud seseorang itu akan dipukul atau adalah suatu amaran agar tidak mengganggu. Bagaimanapun, bahasa lisan lebih banyak dipertuturkan atau digunakan berbanding bahasa badan.

Istilah atau bahasa yang digunakan bagi merujuk aktiviti yang berkaitan seks yang digunapakai oleh Mat Rempit adalah seperti 'kepala masuk air', 'air sampai kepala' dan 'bil air tertunggak' membawa maksud keinginan terhadap seks yang teramat sangat dan perlu ditunaikan. Gadis atau perempuan yang memainkan peranan dalam memberikan khidmat seks sama ada secara percuma atau dengan bayaran dalam bentuk seperti pemberian kad tambah nilai untuk telefon bimbit dan 'belanja makan' digelar sebagai 'lauk', 'Bohsia', 'Cikaro', 'anak burung', *chicken* dan 'ayam'. Sekiranya gadis atau perempuan yang memberikan perkhidmatan seks memberikan layanan yang baik serta mempunyai tubuh badan yang 'menggiurkan' mereka akan dipuji dengan 'banyak air' dan *cempow* atau buah dada besar. Sekiranya seseorang gadis atau perempuan memberikan khidmat seks kepada ramai lelaki pada satu masa, keadaan itu akan dipanggil sebagai 'kenduri'. 'Kenduri' biasanya berlaku selepas perlumbaan haram dijalankan atau ketika Mat Rempit berkumpul beramai-ramai di sesuatu lokasi seperti di kawasan semak dan di sesebuah rumah.

'Jom tiga tiang', 'cucuk belakang', 'cucuk angin' dan '*test power*' merupakan istilah atau bahasa yang merujuk kepada ajakan atau cabaran untuk berlumba haram. 'Jom tiga tiang' atau 'berapa tiang mau pergi' menunjukkan ukuran jauh sesuatu perlumbaan dan biasanya satu tiang bersamaan dengan 20 meter. Sekiranya sesebuah kawasan perlumbaan haram didatangi '*bond*', 'otek', '*bagon*' atau 'kuda putih', kawasan tersebut dianggap merbahaya dan ia dipanggil '*line panas*', manakala sekiranya kawasan selamat ia dipanggil '*line clear*'. 'Kuda putih' merujuk kepada polis trafik. Kadang-kala Mat Rempit akan melakukan aksi-aksi ala akrobatik yang merbahaya seperti '*corner lap*', '*wheelie*', '*wikang*' dan '*superman*'. Aksi-aksi tersebut dilakukan bagi mempamerkan kehebatan Mat Rempit ketika mengendalikan motosikal mereka di jalan raya.

Dalam kalangan Mat Rempit juga terdapat mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah seperti '*parkos*', iaitu ubat batuk dicampur dengan air bergas seperti coke, 'kacang' iaitu pil *ecstasy*, *eramin 5* dan 'boh' iaitu *marijuana*. Alat yang digunakan bagi memproses bahan-bahan yang digunakan untuk menagih ganja disebut sebagai 'dapur'. 'Dapur' biasanya dibuat daripada botol plastik bertutup yang dipasang dengan getah paip pada bahagian tepi botol tersebut. Perwakilan harga yang digunakan bagi menunjukkan harga sebenar sesuatu dadah menggunakan istilah 'sepuluh sen' bagi nilai Ringgit Malaysia sepuluh, 'dua puluh sen' bagi nilai Ringgit Malaysia dua puluh dan seterusnya. Kadang-kala disebabkan terlalu 'sangat' atau ketagih, seseorang Mat Rempit sanggup menggunakan ubat panadol yang dimakan bersama air bergas seperti coke bagi melepaskan ketagihan. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang menjadi agen atau pembekal bagi mengedar dadah yang digelar sebagai '*token*'. '*Token*' berperanan memastikan bekalan yang dikehendaki diperolehi dan '*token*' pada sesuatu masa mengenakan harga yang terlalu tinggi bagi sesuatu jenis dadah sekiranya dadah yang dikehendaki sukar didapati atau kehabisan bekalan.

Selain itu, terdapat juga istilah dan bahasa yang menggambarkan perasaan dan tingkah laku mereka seperti bagi perasaan marah disebut '*hot*', '*temper*' dan 'angin'; perasaan tenang disebut '*cool*', 'angin baik' dan '*steady*'; tingkah laku menipu disebut 'kencing kuat', 'kencing berapi', 'kencing', 'cheret' dan 'gebang'; bahan lucah adalah '*CD blue*', '*CD panas*', '*three stars*' dan

'five stars'; memikat wanita atau pandai menggunakan kata-kata manis disebut sebagai 'mengayat' dan lain-lain lagi.

Sebenarnya terdapat banyak istilah dan bahasa yang digunakan oleh Mat Rempit dalam menggambarkan fenomena yang melibatkan mereka dan identiti yang ingin ditunjukkan kepada masyarakat. Mat Rempit dilihat sebagai individu atau kumpulan yang kreatif dan bijak dalam menghasilkan istilah atau bahasa yang digunakan bagi memberi dan menggambarkan diri mereka. Penggunaan bahasa tersebut secara tidak langsung dapat melindungi kegiatan dan aktiviti mereka daripada diketahui oleh pihak polis khususnya dan masyarakat umumnya. Hal ini kerana istilah atau bahasa yang digunakan hanya difahami oleh individu yang melibatkan diri dengan kumpulan Mat Rempit.

#### *Sub-budaya Mat Rempit*

Suatu sub-budaya umumnya dicirikan oleh satu set norma dan nilai-nilai khusus yang dipatuhi oleh ahli sesebuah kumpulan dalam mengamalkan suatu tindak laku sama ada yang bersifat konvensional atau bukan konvensional (Rokiah Ismail 2004: 73). Norma dan nilai yang diamalkan oleh ahli kumpulan Mat Rempit boleh dilihat dari sudut positif dan negatif. Sebagai contoh, walaupun perjumpaan ahli kumpulan Mat Rempit boleh mendatangkan masalah kepada orang di sekitar mereka, tetapi jika diteliti semangat kekitaan dan keakraban yang wujud dalam kalangan ahli kumpulan Mat Rempit menunjukkan bahawa ikatan sosial yang terjalin telah memungkinkan mereka bekerjasama dan berkongsi masalah hidup harian. Walaupun semangat kekitaan dan keakraban yang kuat wujud dalam kalangan mereka, kadang-kala elemen tersebut disalahgunakan oleh sesetengah Mat Rempit untuk kepentingan peribadi atau untuk keseronokan. Contohnya, sesetengah mereka terlibat dalam pergaduhan dan aktiviti bermotosikal secara berkumpulan yang mengganggu pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Namun begitu, norma dan nilai yang diterapkan dalam kumpulan Mat Rempit sebenarnya berfungsi sebagai satu alat untuk menyatukan ahli kumpulan, membimbing dan mengawal tingkah laku mereka (Rokiah Ismail, 2004: 71).

Kajian mendapati pada sebahagian besar norma dan nilai yang diamalkan terbentuk secara tidak langsung. Keadaan ini berlaku melalui persetujuan secara spontan dalam kalangan ahli kumpulan Mat Rempit. Berdasarkan temubual mendalam, walaupun pembentukan norma dan nilai berlaku secara tidak langsung tetapi sebenarnya pembentukan norma dan nilai dalam kumpulan itu secara tidak langsung juga didominasi oleh individu atau beberapa orang individu yang seolah-olah mempunyai kuasa dalam membuat sebarang keputusan tertentu. Individu-individu tersebut dilihat seperti 'berkuasa' atas beberapa sebab seperti petah berkata-kata, mahir dalam sesuatu perkara misalnya berkebolehan membaiki motosikal, sering melakukan tingkah laku menyimpang seperti mengedar dadah, mencuri motosikal dan sebagainya.

Ramai Mat Rempit patuh dan taat kepada ketua kumpulan mereka. Individu yang menjadi ketua kumpulan Mat Rempit bukan seorang yang dilantik secara rasmi seperti melalui undian tetapi ia dianggap mempunyai pengaruh dan kuasa yang lebih dominan berbanding ahli lain dalam kumpulan tersebut. Kadang-kala seseorang ketua kumpulan tidak menyedari bahawa dirinya dilantik secara tidak langsung sebagai seorang ketua kumpulan. Keadaan ini juga mendorong jawatan sebagai seorang ketua kumpulan bertukar orang dari semasa ke semasa dan kadang-kala sehingga boleh meyebabkan sesebuah kumpulan berpecah dan menjadi sama ada sebagai sebuah kumpulan yang baru atau bergabung dengan kumpulan lain. Kumpulan yang berpecah juga mempunyai kebarangkalian untuk bersatu kembali setelah berpecah bergantung kepada isu yang merangsang penyatuan kembali sesebuah kumpulan seperti isu pergaduhan dan dadah.

Ahli kumpulan Mat Rempit dilihat mempunyai minat atau hobi yang sama seperti pandai bermain alat muzik seperti gitar dan alat gendang seperti drum, bersukan seperti bermain snuker

dan billard, memancing ikan sama ada di kolam, sungai atau laut dan beristirehat di 'kedai atau gerai mamak'. Mereka melakukan segala aktiviti bersama-sama tetapi bergerak dalam jumlah yang sedikit dalam lingkungan dua hingga sembilan orang. Bergerak dalam jumlah yang ramai membataskan segala aktiviti yang ingin dilakukan dan berkemungkinan mendatangkan masalah. Mereka lazimnya ikutserta dengan ahli kumpulan yang amat rapat dengan mereka. Ini menunjukkan bahawa semangat kekitaan dan keakraban sangat tinggi bagi jumlah ahli yang sedikit sehingga dalam sesebuah kumpulan Mat Rempit yang besar terdapat beberapa sub-kumpulan yang lain.

Namun begitu, walaupun kumpulan Mat Rempit mempunyai norma dan nilai mereka yang tersendiri atau khusus, mereka tidak pula menolak norma dan nilai masyarakat umum seperti ikut serta dalam aktiviti gotong-royong dalam komuniti. Sebagai contoh sekiranya mereka dipelawa untuk menghadiri satu majlis perkahwinan yang memerlukan bantuan dan pertolongan mereka dalam menjayakan majlis tersebut, mereka secara beramai-ramai akan melibatkan diri membantu sama. Bagaimanapun, sekiranya norma dan nilai dalam masyarakat mengganggu atau membataskan amalan norma atau nilai yang dipegang mereka, kumpulan Mat Rempit pernah bertindak balas seperti merosakkan harta benda awam atau persendirian dan mencederakan orang. Di antara contoh amalan yang melanggar norma dan nilai masyarakat adalah aktiviti melepak di waktu malam sambil bermain gitar dan menyanyi beramai-ramai dan memeriksa atau menguji kemampuan motosikal masing-masing sehingga mengganggu ketenteraman penduduk setempat dengan bunyi bising dan riuh-rendah yang dihasilkan. Pada ketika ini, pihak polis akan memainkan peranan dalam mengawal aktiviti dan tingkah laku Mat Rempit.

Sekiranya terdapat kemasukan ahli baru dalam sesebuah kumpulan Mat Rempit, segala norma dan nilai yang diterima pakai dalam kumpulan berkenaan perlu diamalkan dan dipatuhi oleh ahli baru tersebut. Penerimaan sesuatu norma atau nilai tidak dipelajari secara formal tetapi melalui interaksi berterusan dalam kalangan ahli baru dan ahli yang sedia ada. Syarat-syarat atau kelayakan menjadi ahli sesebuah kumpulan ditentukan melalui norma dan nilai yang diamalkan. Walaupun seseorang yang menjadi ahli kumpulan Mat Rempit tidak mempunyai sebarang kepakaran atau kemahiran, biasanya ia akan dijadikan sebagai 'balaci' atau orang suruhan yang akan melakukan segala arahan yang diterima daripada ahli kumpulan. Kadangkala individu tersebut akan digunakan sebagai 'badut' atau bahan untuk dijadikan lawak jenaka sehingga pada satu keadaan yang keterlaluan ahli baru digunakan sebagai medium untuk melepaskan tekanan atau perasaan dengan memukul atau membulunya. Namun demikian, pendatang baru juga mendapat perlindungan dari segi keselamatan dan akan sentiasa dibawa ke mana sahaja sehingga melebihi daripada ahli yang lain.

Mat Rempit adalah segolongan remaja yang mempunyai azam dan semangat yang kuat untuk mencapai sesuatu yang diinginkan. Nilai dan norma sedemikian merupakan nilai yang mendorong mereka berfikir secara positif untuk berjaya tetapi azam tersebut diaplikasikan pada tingkah laku yang dianggap tidak baik. Sebagai contoh, bagi memastikan seseorang pelumba haram yang mewakili sesebuah kumpulan Mat Rempit tertentu berjaya dalam sesebuah perlumbaan haram, ahli-ahli sesebuah kumpulan sanggup menggunakan strategi atau alternatif tertentu untuk memperolehi kejayaan sebagai milik bersama. Strategi atau alternatif yang akan digunakan adalah seperti merasuah pelumba haram lawan, menyapukan minyak atau menuang minyak di litar lumba haram dan 'mendajal' atau sabotaj motosikal milik pihak lawan. Keadaan seumpama inilah yang akan mendorong pergaduhan dalam kalangan kumpulan Mat Rempit.

Konsep bantu-membantu dan tolong-menolong sesama ahli kumpulan turut diamalkan dalam sesebuah kumpulan Mat Rempit. Secara positif, konsep tersebut digunakan misalnya apabila salah seorang ahli mendapat kemalangan semasa menunggang motosikal. Ahli dalam kumpulan beramai-ramai akan datang membantu mangsa. Sekiranya mendapat berita kemalangan daripada ahli kumpulan, mereka akan bersama-sama melawat dan menghulurkan sedikit bantuan seperti

wang ringgit atau membawa buah tangan. Dari sudut negatif pula, konsep bantu-membantu dan tolong-menolong diguna pakai ketika berlaku pergaduhan. Pergaduhan secara berkumpulan biasanya melibatkan penggunaan senjata seperti pisau dan besi. Kadangkala Mat Rempit melakukan tindakan 'gegar' atau membuat kacau di kediaman atau lokasi pertemuan Mat Rempit atau dengan individu yang bermasalah dengan mereka.

Oleh yang demikian, norma dan nilai yang diamalkan dalam kumpulan Mat Rempit mempunyai kepentingan dalam menyatukan dan memberikan identiti kepada ahlinya. Setiap tingkah laku dan tindakan yang dilakukan menjadi seragam dengan terdapatnya garis panduan yang diberikan melalui norma dan nilai yang diguna pakai. Norma dan nilai dalam kumpulan Mat Rempit berpengaruh untuk membentuk tingkah laku ahli dan seterusnya membezakan diri mereka daripada kumpulan Mat Rempit yang lain dan selanjutnya juga membezakan diri mereka daripada anggota lain dalam masyarakat.

### **Perbincangan: Mat Rempit dan transformasi sosiobudaya**

Secara keseluruhan kumpulan Mat Rempit merupakan satu kumpulan asas (Rose & Rose, 1969) yang dianggotai anak-anak muda yang majoritinya daripada golongan umur, latar belakang pendidikan, jenis dan kategori pekerjaan yang tidak jauh berbeza, dan mereka mempunyai minat serta citarasa yang sama dalam menjalani sebahagian hidup mereka dalam masyarakat, misalnya dalam hal menggunakan waktu lapang (*leisure time*). Meskipun terdapat beberapa variasi pada faktor yang mempengaruhi penglibatan mereka dalam pelbagai aktiviti Mat Rempit, ternyata dalam kalangan rakan sebaya tersebut mereka berkongsi minat dalam memburu suatu '*adventure*' dan mengekspresikan tindak tanduk yang dianggap sesuai dan signifikan bagi diri mereka sebagai satu kumpulan dan sebagai satu kumpulan anak muda dalam masyarakat. Hubungan dan ikatan sosial yang terjalin dalam kalangan Mat Rempit sama ada ianya bersifat longgar (biasa) atau akrab merupakan elemen penting bagi menjayakan pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh seorang Mat Rempit dengan Mat Rempit lain. Ciri-ciri sosial sepunya, proses sosialisasi nilai dan norma Mat Rempit yang berlaku secara bersemuka, serta hubungan sosial yang 'mengikat *member*' secara psikologikal dan sosial 'memudahkan' Mat Rempit melakukan aktiviti sosial mereka secara bersama.

Hasil kajian mendapati sebab utama ramai responden menyertai kumpulan Mat Rempit adalah faktor keselamatan dan kepuasan apabila mereka melakukan sebarang aktiviti bersama kawan-kawan seperti melepak, beraksi dengan motosikal masing-masing, berlumba dan mengambil dadah. Selain berupaya menikmati keseronokan yang relatif lebih apabila bersama rakan-rakan, kumpulan Mat Rempit secara langsung dan tidak langsung menawarkan suatu perasaan selamat dan terlindung daripada angkara dalam persekitaran sosial mereka. Menurut ramai ahli Mat Rempit, sekiranya mereka diganggu, dikejar ataupun diserang oleh 'musuh' seperti ahli kumpulan Mat Rempit lain, rakan-rakan mereka akan '*repeat* balik' (menyerang balik) atau menuntut bela atas gangguan atau ancaman yang dikenakan terhadap diri mereka. Biasanya pergaduhan boleh berlaku beberapa kali dan pertelingkahan yang timbul boleh juga berlanjutan dalam satu jangka masa yang lama. Bantuan daripada '*member*' dalam situasi seperti tersebut penting oleh kerana kadang-kala jika terdapat perselisihan faham dalam kalangan ahli kumpulan Mat Rempit, perselisihan tersebut diselesaikan melalui pergaduhan dan dalam peristiwa tersebut siapa yang kalah dianggap bersalah.

Nilai dan amalan sub-budaya Mat Rempit merupakan satu set nilai dan budaya khusus yang dibangun dan dikembangkan oleh satu golongan muda atau remaja dalam interaksi yang rapat bersama-sama ahli Mat Rempit. Aktiviti mereka juga direalisasikan bersama dalam konteks suatu persekitaran sosial yang khusus yang memungkinkan sesetengah para remaja menggunakan masa

lapang mereka dalam satu bentuk tertentu sesuai dengan ciri-ciri fasa remaja umumnya. Tambahan pula, pada masa sama mereka secara relatif terpisah daripada ikatan sosial yang rapat dengan ahli lain dalam masyarakat setempat misalnya orang yang lebih dewasa atau keluarga yang boleh memainkan peranan sebagai agen kawalan sosial terhadap golongan remaja.

Masyarakat Kuala Lumpur bersifat terbandar bukan sahaja dari segi fizikal, bahkan juga dari segi ekonomi dan sosiobudaya. Nilai dan amalan sub-budaya Mat Rempit itu terjelma dalam konteks pelbagai proses transformasi sosiobudaya yang secara berterusan melanda masyarakat yang membangun seperti Malaysia umumnya dan masyarakat kota seperti Kuala Lumpur khususnya. Dalam situasi yang dinamik seperti itu, lahir dan berkembangnya pelbagai budaya dalam kalangan anggota masyarakat yang heterogen merupakan salah satu kesan arus perubahan yang berlaku dalam masyarakat yang kian berdepan dengan proses seperti industrialisasi, urbanisasi, modenisasi dan juga globalisasi. Pelbagai proses perubahan sosial itu, antara lain, berperanan merekacipta nilai-nilai baru dalam kehidupan anggota masyarakat dari berbagai-bagai golongan termasuk golongan muda. Seperti juga golongan lain dalam masyarakat misalnya golongan dewasa dan kanak-kanak, mereka harus turut menyesuaikan diri dengan masyarakat demi kelangsungan sosial mereka. Masyarakat bandar khususnya menjalani hidup dalam keadaan wujudnya unsur-unsur seperti *impersonality*, persaingan dan individualiti, sementara matlamat budaya umumnya pula dicirikan penekanan terhadap unsur-unsur seperti kejayaan dari segi material, status dan prestasi sosial yang baik. Dalam keadaan inilah juga golongan remaja harus meneruskan kehidupan sosial mereka.

Keadaan yang mencirikan masyarakat moden yang berkait rapat dengan proses dan kadar transformasi sosial sesebuah negara boleh mencorak suatu tindak balas kolektif remaja dalam usaha untuk menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut. Nilai dan amalan sub-budaya Mat Rempit merupakan budaya remaja yang memaparkan suatu reaksi terhadap suatu pengalaman sosial, ekonomi dan budaya yang khusus dalam masyarakat setempat yang dikongsi bersama rakan-rakan yang 'senasib'. Fenomena Mat Rempit merupakan satu reaksi terhadap suatu pengalaman struktural dan budaya yang dikongsi bersama rakan-rakan yang umumnya mempunyai posisi sosial dan ekonomi yang 'kurang membanggakan' *viz-a-viz* keadaan sesetengah remaja lain dan golongan dewasa dalam masyarakat Malaysia dan juga mereka yang mempunyai kuasa dan pengaruh sebagai *moral entrepreneurs* bagi masyarakat secara umum.

Fenomena Mat Rempit memperlihatkan dislokasi sosial golongan remaja dalam upaya menyesuaikan diri dengan lingkungan sosiopolitik yang wujud bagi mereka. Ahli kumpulan Mat Rempit menikmati satu perasaan berada bersama ahli (*a sense of togetherness and belonging*) apabila melakukan sesuatu aktiviti Mat Rempit. Perasaan tersebut dapat memenuhi keperluan sosial, fizikal dan emosi mereka sebagai individu dan juga sebagai golongan remaja dalam masyarakat. Melalui pelbagai aktiviti yang diminati Mat Rempit, mereka terlibat mencipta suatu identiti sosial. Sementara itu, reaksi (negatif) tertentu masyarakat terhadap tingkah laku mereka boleh membantu 'menajamkan' lagi pembentukan identiti mereka *viz-a-viz* golongan-golongan lain dalam masyarakat. Tindak laku Mat Rempit adalah suatu bentuk penyelesaian kolektif yang bersifat sementara terhadap keadaan orang muda yang berdepan dengan pelbagai cabaran dan tuntutan khusus yang dibawa bersama arus perubahan sosial yang terdapat dalam masyarakat.

Aktiviti melepak, merempit, menyalahgunakan dadah dan sebagainya bukan sahaja dianggap menyeronokkan dan 'perlu' dilakukan, tetapi ia jelas mempunyai unsur kebanggaan dan kepuasan yang hanya dapat dinikmati oleh ahli Mat Rempit yang terlibat dengannya secara berkumpulan. Aksi menunggang motosikal secara berbahaya, mengatur perlawanan untuk berlumba haram secara 'profesional dan rapi' dan usaha mempertahankan rakan daripada lawan adalah ekspresi kepada unsur-unsur kebebasan, identiti, keberanian, autonomi, keterampilan dan kreativiti. Meskipun unsur-unsur ini mendapat tempat dalam sub-budaya Mat Rempit, ia adalah juga perkara-perkara yang ditekankan dalam sesuatu sub-budaya atau kumpulan lain yang

konvensional seperti penggemar muzik dan kumpulan sukan. Bagi Matza (1969) anak-anak muda yang dianggap menyimpang sebenarnya bukan mempunyai nilai dan norma yang berbeza daripada ramai anggota masyarakat yang lain. Hanya nilai-nilai di bawah permukaan (*subterranean values*) yang terkait pada sesuatu jenis aktiviti (remaja) itu diekspresikan melalui tindakan atau cara yang dianggap 'tidak sesuai dan juga dilakukan pada tempat dan masa yang 'salah' (mengikut nilai dan norma yang diterima umum oleh masyarakat sekeliling).

Bagi Mat Rempit menyertai kumpulan Mat Rempit dan beraksi lasak dan ganas juga berfungsi memaparkan sifat kelelakian dan kehandalan yang diluahkan dalam ruang sosial yang dianggap 'sesuai'. Meskipun unsur paksaan tidak timbul dalam kalangan ramai Mat Rempit, unsur pujukan dan puji-pujian secara disedari atau tidak disedari menjadi efektif dalam mempengaruhi penyertaan Mat Rempit dalam aktiviti-aktiviti kumpulannya. Dalam keadaan sekarang yang mana kawalan sosial daripada agen sosialisasi konvensional seperti keluarga umumnya didapati relatif lemah berbanding dahulu, lebih ramai remaja menjadikan rakan sebaya sebagai kumpulan rujukan yang paling penting. Hubungan remaja yang relatif jarak dengan keluarga berbanding rakan sebaya memudahkan lagi mereka membuat pilihan menggunakan masa lapang mereka dengan rakan-rakan atau memenuhi keinginan diri sendiri tanpa memikirkan sangat kepentingan keluarga.

## Kesimpulan

Kumpulan Mat Rempit adalah sekumpulan generasi muda di Malaysia kini yang dikaitkan dengan aktiviti bermotosikal secara berkumpulan dan terlibat dalam perlumbaan haram dan tingkah laku menyimpang. Fenomena Mat Rempit dengan sub-budayanya yang tersendiri umumnya dipersepsikan oleh masyarakat umum di Malaysia sebagai satu *counterculture* kerana dianggap menolak budaya masyarakat umum dan mencari suatu gaya hidup alternatif (Macionis, 2007; Schaefer, 2003). Budaya tersebut dikatakan popular dan lebih mudah berlaku dalam kalangan golongan muda. Kewujudan sub-budaya Mat Rempit di Kuala Lumpur secara langsung dan tidak langsung umumnya dianggap mencabar dan menggugat kestabilan budaya umum dan kehidupan sosial masyarakat bandar Kuala Lumpur.

Sub-budaya Mat Rempit yang terhasil melalui bahasa dan corak pertuturan, pakaian, aktiviti, norma dan nilai tertentu melambangkan suatu identiti bagi membezakan diri mereka daripada anggota masyarakat lain. Sub-budaya tersebut mengandungi beberapa keunikan terutama sekali dari segi penampilan diri dan perwatakan umum dalam satu ruang fizikal dan sosial yang dikongsi bersama dengan anggota masyarakat Kuala Lumpur yang lain. Sifat kekhususan atau 'kelainan' inilah yang kritikal yang lazimnya menggariskan sempadan antara budaya atau tingkah laku normal daripada yang tidak normal, justeru dipertikaikan kemunculannya dalam masyarakat atas beberapa sebab tertentu.

Golongan remaja adalah antara kumpulan yang amat terkesan daripada pelbagai proses pembangunan yang turut mempengaruhi gerak laku dan adaptasi sosial anggota masyarakat Malaysia. Aktiviti dan sub-budaya Mat Rempit umumnya merupakan satu respon kolektif golongan remaja terhadap pelbagai cabaran dan tuntutan hidup masyarakat moden dan terbandar seperti Kuala Lumpur. Berbagai-bagai pengalaman golongan muda mengharungi kehidupan dalam keluarga, sekolah, tempat kerja, dan bersama rakan dan wujudnya norma dan nilai masyarakat yang bersifat heterogen menuntut lahirnya tingkah laku manusia yang umumnya kurang seragam berbanding apa yang terdapat dalam keadaan masyarakat dahulu yang kurang kompleks. Kumpulan Mat Rempit juga boleh terperangkap dalam suatu keadaan krisis nilai yang mengiringi pembangunan masyarakat Malaysia dan dalam keadaan terdapatnya bibit-bibit krisis sosial dalam hal remaja menjalin hubungan sosial yang bermakna dengan anggota masyarakat



yang lain. Justeru dalam keadaan sedemikian, kumpulan rakan sebaya merupakan kumpulan sosial yang paling menyenangkan buat mereka berkongsi minat dan masalah hidup.

Apakah fenomena Mat Rempit yang dikaitkan dengan golongan remaja di Kuala Lumpur akan pupus daripada masyarakat? Hal ini sungguh rumit untuk dicari jawapan yang pasti. Namun apa yang telah terjadi selama ini membayangkan bahawa keadaan tingkah laku seperti tersebut yang lazimnya dikaitkan dengan golongan remaja akan cenderung lahir dari semasa ke semasa dalam bentuk atau jenis yang mungkin berbeza daripada yang terdahulu. Keadaan ini berkemungkinan timbul apabila masyarakat berterusan mengalami pelbagai perubahan dan apabila fasa remaja sebagai fasa transisi kehidupan antara kanak-kanak dan orang dewasa dicirikan oleh pelbagai kadar dan jenis *storms and stresses* bagi golongan muda. Tambahan pula, dalam situasi yang kritikal itu pula golongan remaja harus meneruskan kehidupan secara aktif bersama anggota masyarakat yang lain yang padanya terdapat nilai dan norma yang mungkin tidak sama dengan golongan remaja. Keadaan ini selanjutnya cenderung membolehkan sesetengah tingkah laku remaja dipermasalahkan. Pada tahun 1980-an sehingga awal 1990-an fenomena Mat Motor mendapat perhatian umum. Kini isu Mat Rempit yang juga melibatkan golongan muda tampil pula dengan identiti dan imej yang tersendiri dan ia juga diperbahaskan.

Kajian ini cuba mengenal dan memahami secara mendalam sekumpulan Mat Rempit, aktiviti, amalan sub-budaya dan reaksi mereka dalam menghadapi cabaran pembangunan dan kehidupan di Malaysia yang semakin kompleks kini. Dunia sosial Mat Rempit tidaklah wujud sematamata disebabkan sifat alamiah remaja yang dikatakan aktif, agresif, ingin mencuba, cenderung memberontak dan suka berkawan. Fenomena Mat Rempit sebaiknya juga dilihat dan ditimbang dalam konteks pengalaman mereka meneruskan kehidupan dalam masyarakat yang mengalami proses transformasi sosial yang mempunyai pelbagai kesan khusus terhadap tingkah laku manusia dalam masyarakat termasuk golongan muda.

## Rujukan

- Cavan RS (1969) *Juvenile: Development, treatment and control*. Ed. ke-2. JB Lippincott Company, Philadelphia.
- Cohen AK (1955) *Delinquent boys: The culture of the gangs*. The Free Press, London.
- Douglas JD (1982) *The sociology of deviant behavior: An introduction*. Little, Brown and Company, Boston.
- Downes DM (1973) *The delinquent solution: A study in subcultural theory*. Ed. ke-3. Routledge & Kegan Paul, London.
- Fritz GK (2006) Adolescents and the Goth subculture. *The Brown University Child and Adolescent Behavior Letter* Jun 8.
- Gibson DC (1981) *Delinquent behavior*. Ed. ke-3. Englewood Cliffs, New Jersey.
- Goode E (2005) *Deviant behaviour*. Ed. ke-7. Prentice Hall, New Jersey.
- Haskell MR, Yablonsky L (1970) *Crime and delinquency*. Rand McNally & Company, Chicago.
- Hishamuddin Rais (2007) Mat rempit wadah generasi muda masa kini [Cited 16 September 2007]. Available from: [http://www.malaysiatoday.net/ShamRais/mat\\_rempit](http://www.malaysiatoday.net/ShamRais/mat_rempit)
- Hunt E F, Colander DC (2005) *Social science: An introduction to the study of society*. Pearson Education, Boston.
- Kementerian Pengangkutan Malaysia (2006) Statistik [Cited 6 February 2007]. Available from: <http://www.mot.gov.my>.
- Macionis JJ (1995) *Sociology*. Ed. ke-11. Pearson Prentice Hall, New Jersey.
- Malaysia (1987) Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan 1999).
- Matza D (1969) *Becoming deviant*. Prentice Hall, Englewood Cliffs, NJ.

- Polis DiRaja Malaysia (2003) Statistik [Cited 6 February 2007]. Available from: <http://www.rmp.gov.my>.
- Regoli RM, Hewitt JD (2006) *Delinquency in society*. Ed. ke-6. McGraw-Hill, New York.
- Rokiah Ismail (1995) Perilaku non-konformis golongan remaja Malaysia: Satu renungan sosiologikal. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* **22**, 73-95.
- Rokiah Ismail (2004) Kumpulan 'Mat Motor' dan perlumbaan motor haram: Suatu penelitian dari aspek sosiologi. *Prosiding Seminar Kebangsaan Ke-3 Psikologi dan Masyarakat 2004*. Pusat Teknologi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 4-5 Oktober.
- Rose AM, Rose CB (1969) *Sociology: The study of human relations*. Alfred A Knopf, New York.
- Rozmi Ismail (2004) Gejala perlumbaan motosikal haram di kalangan remaja: Peranan keluarga dan masyarakat dalam mengenai gejala ini. *Prosiding Seminar Kebangsaan Ke-3 Psikologi dan Masyarakat 2004*. Pusat Teknologi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 4-5 Oktober.
- Schaefer RT (2003) *Sociology*. Mc Graw Hill, New York, NY.
- Siegel LJ (2005) *Criminology: The core*. Thomson Wadsworth, Belmont.
- Thio A (2006) *Deviant behaviour*. Ed. ke-8. Pearson Education, Boston.
- Thomson WE, Bynum JE (1991) *Juvenile delinquency: Classic and contemporary readings*. Allyn and Bacon, Boston.
- Wikipedia (2006) Mat rempit [Cited 7 January 2007]. Available from: [http://en.wikipedia.org/wiki/mat\\_rempit](http://en.wikipedia.org/wiki/mat_rempit).